

## KENALI CIRI-CIRI NEGARA ISLAM SEMPENA SAMBUTAN KEMERDEKAAN NEGARA KE 50

Istilah Negara Islam (Darul Islam) adalah istilah syara'. Negara Islam menurut syara' adalah suatu wilayah yang melaksanakan hukum-hukum Islam dan keamanan wilayah tersebut berada di tangan Islam, iaitu di bawah kekuasaan dan kekuatan kaum Muslimin, walaupun majoriti penduduknya bukan Islam. Oleh itu, untuk menentukan keadaan sebuah wilayah, apakah termasuk Negara Islam atau Negara Kufur, bukanlah negeri atau penduduknya yang diambil kira, tetapi undang-undang di wilayah tersebut dan keamanannya. Apabila hukum (undang-undang) yang diterapkan oleh suatu wilayah adalah Islam dan keamanannya berada di tangan kaum Muslimin, maka wilayah seperti inilah yang disebut Darul Islam atau Negara Islam. Sedangkan apabila hukum-hukum (undang-undang) yang diterapkannya adalah undang-undang kufur dan keamanannya tidak berada di tangan kaum Muslimin, maka wilayah demikian disebut Darul Kufur atau Darul Harb. Pengertian 'dar' ini diambil dari sebuah hadis riwayat Sulaiman ibnu Buraidah yang di dalamnya tercantum: "Serulah mereka kepada Islam, maka apabila mereka menyambutnya, terimalah mereka dan hentikanlah peperangan atas mereka, kemudian ajaklah mereka berpindah dari negerinya (yang merupakan darul kufur) ke darul muhajirin (darul Islam yang berpusat di Madinah) dan beritahulah kepada mereka bahawa apabila mereka telah melakukan semua itu, maka mereka akan mendapatkan hak yang sama sebagaimana hak kaum muhajirin dan juga kewajiban yang sama seperti halnya kewajiban kaum muhajirin." [HR Muslim] Hadis ini menyatakan dengan jelas wujudnya pembezaan antara Darul Islam dan Darul Kufur.

bersambung di muka 4

### Antara Amalan-amalan Bulan Rejab

Dikeluarkan oleh Abu Nu'aim di dalam kitab Al-Hilyah dengan isناد yang daif daripada Anas bin Malik r.a katanya, Rasulullah saw apabila memasuki bulan Rejab Baginda saw telah berdoa yang maksudnya: *"Wahai Allah, berkatilah kami di dalam bulan Rejab dan Syaaban dan sampaikanlah kami ke dalam bulan Ramadan."*

Hadis di atas telah dikeluarkan oleh Ad-Dailami di dalam Musnad Al-Firdaus daripada Anas bin Malik r.a. Hadis-hadis di dalam Musnad Al-Firdaus ini adalah lemah. Hadis lemah adalah dipakai dan diamalkan di dalam amalan-amalan soleh yakni di dalam penjelasan ke atas kelebihan-kelebihan amalan sebagaimana yang disepakati oleh alim ulamak dan sebagaimana dinukilkan oleh Al-Imam An-Nawawi di dalam kitab beliau Al-Azkar.

Antara amalan lain:

1. Mengerjakan Puasa Sunat Rejab
2. Melaksanakan Solat Sunat Rejab – pada awal, pertengahan dan akhir serta setiap malam Juma'at Bulan Rejab
3. Memperbanyakkan Istigfar Pada bulan Rejab
4. Berzikir, Bertasbih, Berselawat pada setiap hari Bulan Rejab
5. Membaca Doa Awal Rejab

Sabda Rasulullah saw: *"Pada malam Mikraj, saya melihat sebuah sungai yang airnya lebih manis dari madu, lebih sejuk dari ais dan lebih harum dari minyak wangi, lalu saya bertanya Jibril as: "Wahai Jibril untuk siapakah sungai ini?" Berkata Jibril as: "Ya Muhammad sungai ini adalah untuk orang yang membaca selawat untuk engkau dibulan Rejab."* Wallahualam.



**MAJLIS GOTONG ROYONG BULANAN.** akan diadakan pada **SABTU 27 Rejab 1428H/11 Ogos, 2007** mulai jam 8.00 pagi. Tuan/puan di Perjiran Rimba Riang KD9 dan yang berhampiran dijemput untuk bersama-sama dalam program tersebut bertujuan bagi mengemas dan mengindahkan lagi surau kita. Sebarang bentuk sumbangan amatlah dialu-alukan.

**MAJLIS ISRAK DAN MIKRAJ** – akan diadakan di Surau Al Ulum KD9 pada **SABTU 27 Rejab 1428H/11 Ogos, 2007** selepas solat Maghrib. Satu Ceramah Khas akan disampaikan Ust Anuar Riduan dari Akademi Islam University Malaya. Semua muslimin/muslimat dijemput hadir.

**LAMAN WEB SURAU AL-ULUM KD9** - telah dilancarkan semula pada 30 Julai, 2007, oleh YBhg. Dato' Dr. Hasan Ali dari AKRAB. Usaha untuk meningkatkan isi kandungan laman tersebut agar ianya dapat memberi manfaat kepada ahli kariah dan pengunjung website berkenaan akan diteruskan. Justeru itu, kami amat megalu-alukan komen dan sumbangan anda dalam apa bentuk sekali pun. Sila lawati laman web ini di [www.al-ulum.com](http://www.al-ulum.com).

**PEMBANGUNAN SURAU AL ULUM KD9** – sebagaimana yang telah dimaklumkan dalam Edisi Sinar yang lalu, pihak pentadbir Surau bercadang untuk meningkatkan tahap keselesaan para jemaah dalam beribadah dengan cadangan memasang pendingin hawa untuk dewan solat. Kutipan setakat ini hanyalah sekitar RM10,000 manakala perbelanjaan yang dianggarkan adalah RM20,000. Pihak surau masih lagi meneruskan kutipan dana khususnya dari ahli-ahli kariah. Penajaan secara individu atau berkumpulan amatlah dialu-alukan. Insa' Allah tawaran sebutharga akan dikeluarkan tidak lama lagi dan pemasangan dijangka selesai sebelum Ramadan 1428H ini. Untuk keterangan lanjut sila hubungi Sdr Azmay Abd Rahman (012-3663115).

**BACAAN YAASIN DAN TAHLIL ARWAH** - (Sekiranya tiada kelas pengajian) Setiap hari Khamis malam Jumaat sepanjang tahun Surau Al-Ulum KD9 mengadakan majlis bacaan Yaasin dan tahlil arwah selepas solat Maghrib bertujuan untuk pengimarah surau serta memberi peluang kepada semua untuk memberikan sedekah kepada arwah mereka yang dikasihi. Tuan/puan yang berhajat sila majukan borang permohonan berserta sumbangan ikhlas bagi mengisi tabung surau al Ulum melalui mana-mana AJK Surau.

## MENGIMBAS KEMBALI PERISTIWA ISRAK & MIKRAJ

### Catatan Kuliah Surau Al Ulum KD9

Setelah Khadijah dan Abu Talib meninggal dunia maka hilanglah salah satu kekuatan dan benteng tempat Rasulullah bersandar. Abu Talib merupakan orang yang sangat berpengaruh di Makkah dan sangat disegani oleh orang ramai. Orang-orang kafir berasa segan untuk menganiya Nabi Muhammad saw selagi Abu Talib masih melindunginya. Khadijah pula merupakan seorang isteri yang sangat istimewa. Rasa penat dalam berdakwah akan hilang sebaik sahaja baginda bertemu Khadijah yang telah banyak mengorbankan seluruh harta kekayaannya untuk perjuangan risalah suci. Pengaruhnya juga sangat kuat dikalangan penduduk Makkah. Justeru itu, wafatnya kedua orang ini merupakan satu kehilangan besar dalam kehidupan Rasulullah, sebab kedua-dua tokoh Quraisy ini merupakan sayap perjuangan Baginda. Rasulullah merasakan kesedihan yang amat sangat dengan kehilangan dua orang yang sangat dicintainya. Maka tahun pemergian keduanya itu dinamakan dengan tahun kesedihan.

Disaat-saat menghadapi ujian yang sangat berat dan tingkat perjuangan yang sudah sampai ke puncaknya ini, gangguan dan hinaan, aniya serta siksaan yang dialami Baginda dengan pengikut-pengikutnya semakin hebat. Maka pada saat ini pulalah, iaitu pada 27 Rejab, Allah SWT memerintahkan supaya Rasulullah saw menjalani Israk dan Mikraj.

Israk ialah perjalanan Nabi saw dari Masjidil Haram di Makkah ke Masjidil Aqsa di al-Quds. Mikraj ialah kenaikan Rasulullah saw menembusi lapisan langit tertinggi sampai batas yang tidak dapat dijangkau oleh ilmu semua makhluk, malaikat, manusia dan jin. Semua itu ditempuh dalam sehari semalam. Ringkasnya, Israk dan Mikraj adalah merupakan perjalanan pada malam hari dari Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa terus naik ke langit ketujuh dan Sidratul Muntaha. Disitulah baginda menerima perintah langsung dari Allah SWT tentang solat lima waktu.

Keesokan harinya Rasulullah saw menyampaikan apa yang disaksikannya kepada penduduk Makkah. Tetapi oleh kaum Musrik berita itu didustakan dan dertawakan. Sehingga sebahagian mereka menentang telah meminta Rasulullah saw untuk menggambarkan Baitul Maqdis jika benar ia telah pergi dan melakukan solat di dalamnya. Padahal ketika menziarahinya, tidak pernah terlintas dalam fikiran Rasulullah saw untuk menghafal bentuknya dan menghitung tiang-tiangnya. Kemudian Allah memperlihatkan bentuk dan gambar Baitul Maqdis di hadapan Rasulullah saw sehingga dengan mudah baginda menjelaskannya secara terperinci sebagaimana yang mereka pinta.

Bukhari dan Muslim meriwayatkan bahawa Rasulullah saw bersabda: *"Ketika kaum Quraisy mendustakan aku, aku berdiri di Hijir (Ismail), lalu Allah memperlihatkan Baitul Maqdis kepadaku. Kemudian aku khabarkan kepada mereka tentang tiang-tiangnya dari apa yang aku lihat."*

Berita ini oleh sebahagian kaum Musrikin disampaikan kepada Abu Bakar dengan harapan dia akan menolaknya. Tetapi, ternyata Abu Bakar menjawab, 'Jika memang benar Muhammad yang mengatakannya, maka dia telah berkata benar dan sesungguhnya aku akan membenarkannya lebih dari itu.' (Baca kisah Abu Bakar As-Siddiq diruangan sebelah)

Pada pagi hari dari malam Israk itu Jibril datang kepada Rasulullah saw mengajarkan cara solat dan menjelaskan waktu-waktunya. Sebelum disyariatkan solat lima waktu, Rasulullah saw melakukan solat dua rakaat dipagi dan dua rakaat dipetang hari sebagaimana dilakukan oleh Nabi Ibrahim as.

Hikmah Allah memerintahkan Israk dan Mikraj kepada Rasulullah saw dalam perjalanan satu malam itu, adalah untuk lebih menambahkan lagi kekuatan iman dan keyakinan baginda sebagai Rasul yang diutus Allah ke tengah-tengah umat manusia. Dengan demikian akan bertambah kuatlah batin baginda sewaktu menerima cubaan dan musibah serta siksaan bertapa pun besarnya dalam memperjuangkan cita-cita murni, mengajar seluruh umat manusia kepada Agama Islam.

Peristiwa Israk Mikraj ini disamping memberikan kekuatan batin kepada Nabi Muhammad saw dalam memperjuangkan dan menegakkan agama Allah juga menjadi ujian bagi keimanan kaum muslimin. Bagi kaum kafir Quraisy peristiwa Israk dan Mikraj ini mereka jadikan senjata untuk menuduh Nabi sebagai seorang yang tidak normal otaknya dan mereka jadikan sebagai bahan hinaan dan cacian.

#### Catatan Kuliah Maghrib - Ustaz Muhadir Joll pada 8hb Julai 2007

- Orang yang suka bercakap banyak tetapi tidak melaksanakannya, maka Allah membenci orang-orang begini; Bercakaplah benar walaupun ianya pahit untuk didengar dan diterima;
- Kita hendaklah bersikap benar pada diri kita sendiri and bersikap benar pada cita-cita kita. Contohnya bila kita berniat jika kita ada duit lebih sedikit kita akan bersedekah, tetapi bila tiba waktunya kita akan bertukar menjadi kedekut kerana kita ada perasaan "sayang" nak bersedekah; Janganlah kita bersikap begini.
- Jika kita ada niat hendak bersedekah, Allah akan bagi markah ataupun pahala niat lalu jika kita melaksanakannya Allah menggandakan 10 kali pahalanya;
- Allah perintahkan malaikat mencatat segala kebaikan yang kita buat termasuklah apabila kita dah berniat (yakni berniat baik) dengan bersungguh-sungguh, walaupun apabila tiba ketika dan waktunya kita tidak melaksanakannya;
- Kita hendaklah benar pada cita-cita yang baik contohnya berniat dengan baik untuk selalu menolong orang;
- Kita hendaklah benar pada segala pekerjaan yang tersirat dalam hati kita kerana itulah yang akan dilaksanakan nanti; Hati nurani kita hendaklah bersih dan baik. Jika

dia benar-benar seorang yang baik, memang akan terserlah akan kebaikannya itu. Orang yang hatinya busuk dia tidak akan boleh "berlakon" menunjukkan kebaikan hatinya selama-selamanya: satu hari pasti akan terbongkar juga;

- Jangan bagi hati kita menyatakan segala perbuatan atau perkerjaan yang kita lakukan hanya untuk mendapat pujian dan perhatian orang lain;
- Orang yang sedikit saja solat malamnya, hendaklah dia berhati-hati agar jangan jadi seperti orang munafik, kerana sifat orang munafik ini, memang dia mahu setiap perbuatannya mesti mendapat perhatian orang lain;
- Cara Rasulullah menunjukkan rasa syukurnya pada Allah dengan memperbanyakkan bangun malam untuk melakukan solat malam;
- Kita hendaklah benar pada segala amalan yang batin, yakni sabar dalam melakukan segala perintah Allah dan sabar dalam meninggalkan perkara-perkara kemaksiatan. Sesungguhnya pahala orang-orang yang bersabar ini tidak terkira banyaknya;
- Sunnah – sujud yang terakhir dalam solat hendaklah kita sujud lama sedikit, kerana masa inilah masa yang paling dekat penghambaan diri kita pada Allah ta'ala. Apabila kita bersujud, dahi kita berada "setaraf" dengan tempat kita pijak dan dahi itu juga terletak ditempat yang lebih rendah dari pinggul kita, yang mana pinggul kita ialah tempat buang najis, maka inilah masanya kita "menghambakan" atau "menghina" diri kita sendiri pada Allah taala.

Catatan diambil oleh : Norhanizah Mohamad Tarikh : 08/07/07

#### Catatan Kuliah Maghrib - Ustaz Md Zain pada 31/07/07

- Kebenaran seseorang umat itu bukan berdasarkan bilangan pengikut seseorang nabi tetapi berdasarkan mengikuti segala ajaran nabi itu;
- Manusia apabila dibangkitkan di hari akhirat dan dihimpunkan di padang mahsyar kelak, ada 120 saf. Panjang 1 saf sama dengan panjang/lamanya dari matahari terbit hingga matahari tenggelam. Tetapi yang berjaya ke syurga hanya 3 saf sahaja. Baki 117 saf akan terus masuk neraka;
- Realiti didunia juga menunjukkan perkara-perkara yang membawa kebaikan hanya sedikit saja golongan yang ingin melakukannya, (contohnya: sembahyang berjemaah dimasjid atau disurau atau mendengar ceramah-ceramah ilmu dan lain lain lagi) tetapi jika perkara-perkara yang boleh membawa kepada kemaksiatan memang ramai yang suka melakukannya, (contohnya konsert-konsert artis, kompleks membeli-belah dan lain lain lagi);
- 3 saf yang berjaya ke syurga, terbahagi kepada 4 golongan :-
  1. Golongan pertama – Golongan yang masuk syurga tanpa dihisab. Golongan ini terdiri daripada para nabi dan rasul, kanak-kanak yang meninggal ketika masih kecil dan kaum muslimin yang mati syahid;
  2. Golongan kedua – Golongan yang berkitak ditangan kanan. Golongan ini terdiri daripada mukmin yang benar dan soleh;
  3. Golongan ketiga – Golongan yang berkitak ditangan kiri. Golongan ini terdiri daripada manusia yang telah habis disiksa oleh Allah barulah masuk ke dalam syurga;
  4. Golongan keempat – Golongan yang sama berat yakni dosa dan pahalanya sama berat. Golongan ini adalah yang terakhir masuk syurga setelah disiksa oleh Allah taala;
- Rasulullah ada mengatakan, dari umat nabi Muhammad ada 70,000 umat yang akan masuk syurga tanpa dihisab, tetapi ada pendapat dari para ulama yang mengatakan angka ini mungkin tidak tepat. Mereka ini tidak meminta jampi mentera dan mereka tidak mengharap jampi mentera dan sentiasa bertawakal pada Allah taala:
  1. Jampi mentera yang tidak dibolehkan dalam Islam adalah :
  2. jampi mentera yang tidak faham akan maksudnya;
  3. jampi mentera yang mengatakan sesuatu musibah atau sesuatu penyakit itu datang dari satu kuasa yang lain;
  4. jampi mentera yang mengambil jin-jin sebagai pembantunya ( Jin pula makanan kesukaannya adalah tulang dan asap)
- 3 perkara yang jangan ditolak (jangan ditolak keberkatannya)
  1. Bantal – Apabila kita menjadi tetamu dan tuan rumah menjemput kita masuk maka hendaklah kita masuk kedalam rumahnya tanpa berdolak-dalik lagi;
  2. Susu – Apabila kita menjadi tetamu dan tuan rumah menjemput kita makan atau minum maka janganlah kita menolaknya, Walaupun kita sekenyang manapun kita hendaklah menjamah sedikit makanan maupun minuman tersebut;
  3. Minyak wangi – bau-bauan yang wangi juga jangan ditolak untuk membaunya;
- Kenallah diri kita sendiri maka dari situlah kita akan mengenal Allah. Contohnya lihat saja pada kejadian diri kita sendiri, semuanya Allah cipta dan semuanya sesuai pada kedudukannya dan ketetapanannya, tidak ada yang tidak sesuai. Kita lihat saja pada ciptaan Allah tentang mata manusia. Allah mencipta dua biji mata dan tempatnya sesuai didepan dan diatas muka kita. Cuba bayangkan jika mata kita ini Allah cipta sibihi saja ataupun Allah letakkan sebiji mata didepan dan sebiji lagi dibelakang kepala kita. Apalah rupanya???
- Kita hendaklah tetapkan pegangan dan pendirian kita. Kebenaran itu kita ikut dari ajaran-ajaran nabi kita iaitu Nabi Muhammad s.a.w dan bukannya berdasarkan quantity atau keramaian pengikut seseorang nabi itu;
- Kita hendaklah membuat perkara-perkara yang benar dan tinggalkan perkara-perkara yang tidak benar. Dihadapan kita ada 2 jalan, yakni 1 jalan menuju kepada kebenaran manakala yang satu lagi menuju kemaksiatan. Maka pilihan ada ditangan kita sendiri.

Catatan diambil oleh : Norhanizah Mohamad 31hb Julai 2007 @ 8.00 pm

## CAMELS: A GIFT FROM ALLAH

*"Why do they not reflect on the camels and how they are created ?"  
(Translation of Quran 88:17)*

Camels creation is its own miracle. The camel is not always seen as a beautiful animal. But it is absolutely perfect for what it needs to do and where it needs to survive. This is a gift from God. Without camels, no one could travel in the deserts, so huge sections of the world would be not just difficult to live on, but completely uninhabitable.

All of the camel is practical for his survival and for his service to man. A camel's feet, although hooved, have large pads that spread out in the soft sand to keep the animal from sinking in. His face is designed as protection from sun and sand. The thick eyebrows, heavy eyelids and thick lashes all keep out sand, and there's even a third eyelid that can close in heavy storms. The still nostrils have special muscles which the camel can close against blowing sand. The ears have thick hair inside the ear, as well as outside to prevent dirt and sand from getting down inside the ear, and possibly causing infection.

A camel's hump is a lump of fat. This is used as a source of energy when food is scarce. The hump may actually shrink when no food is available, but the camel can live off it for many days. And it will reform perfectly when food is again available. Because food is so scarce in the desert, the camel must be able to eat anything (even the tents). The lining of the mouth is very tough so that the camel can bite and chew thorny cactus plants without harm to the mouth.

Most incredible is how the camel deals with heat and lack of water. First of all, camels have a low metabolic rate, so energy is used slowly. The body temperature has a wide range of normal. It may start the day at 94 and hit 105 in the heat of the afternoon (Human's normal temperature is 98 and at 101, we are sick). The camel is one of few animals that can sweat. The coarse body hair, which acts as a protection against the direct sun, also allows the camel this ability to sweat. Sweating is a more efficient cooling system than panting (as in dogs) as less precious fluid is lost. Additionally, in its incredibly efficient way, the camel does not sweat until its body temperature is near the top of its range.

No other creature can process water in the same way. It does not lose water from blood, only from the tissue. Thus the blood stays properly thin enough to circulate and remove body heat. The camel will only drink when needed and only replace what's lost. If he lost 5 gallons over the last two days, he will drink 5 gallons and walk away. He may not drink at all in winter.

And the camel can quickly replace all water lost - 25 gallons in a very short time. Other animals drinking too fast can die from water intoxication. So camels are truly remarkable animals. When we reflect on their creation, as God instructs us to do, we cannot help but marvel at the ways God made them fit perfectly into their niche.

May God help each of us to fit our own niche as well.

By Lydia Kelley, Masjid Tucson, P.O. Box 43476, Tucson, AZ 85733-3476

### Allah is the Greatest

There is no God but Allah.

There is none worthy of worship except Allah.

ALLAH is an Arabic word. It is the proper name for the one and only God.

Allah is unique.

There is none like him.

He has no partner.

He has no children and no parents.

He is eternal. He has always existed and will never die.

He knows everything.

He sees everything.

He is everywhere.

He is the creator of the universe.

Allah is Great and Merciful.

He is kind and loving.

He has provided us with everything.

He created us in the best form.

He created the world for us.

He sent prophets to guide us, to tell us how to obey Him.

Allah is the greatest.

## THE CONCEPT OF 'COMMUNITY' IN ISLAM

The social life of the true Muslim is based upon supreme principles on designed to secure happiness with prosperity for the individual as well as for the society. Class warfare, social castes and domination of the individual over society or vice versa are alien to the social life of Islam. Nowhere in the Quran or in the traditions of the Prophet Muhammad (PBUH) can one find any mention of the superiority on account of class or origin or wealth. On the contrary, there are many verses of the Quran and sayings of Muhammad (PBUH) to remind mankind of the vital facts of life, facts which serve at the same time as principles of the social structure of the Islamic life.

According to Islam, the final goal of humanity is God. From Him we come, for Him we live and to Him we shall all return. In fact, the sole purpose of creation as described by the Quran is to worship God and to serve His cause, the cause of truth and justice, of love and mercy, of brotherhood and morality (Surah 51:56-58).

The individual is responsible for the common welfare and for the prosperity of his society. This responsibility is not only to the society but also to God. In this way the individual works with a sound social mindedness and a genuine feeling of inescapable responsibility. It is his rule to do the utmost for his society and to contribute to its common welfare. On the other hand, the society is also responsible to God for the welfare of the individual. When the individual is able he is the contributor and society is the beneficiary. In return he is entitled to security and care, should he become disabled. In this case he is the beneficiary and society is the contributor. So duties and rights correspond harmoniously. Responsibility and concern are mutual. There is no state to dominate the individual and abrogate his personal entity. Likewise, there is no individual or class of individuals to exploit the society and corrupt the state. There is harmony with peace and mutual security. There is a constructive interaction between the individual and the society.

The structure of social life in Islam is very lofty, sound and comprehensive. Among the substantial elements of the structure are the sincere love for one's fellow human beings, mercy for the young, respect for the elders, comfort and consolation for the distressed, visiting the sick, relieving the grieved, genuine feelings of brotherhood and social solidarity; respect for the rights of other people to life, property, and honour; mutual responsibility between the individual and society, it is a common thing to come across prophetic statements like these:

- *"Whoever relieves a human being from a grief of this world, God will relieve him from a grief on the Day of Judgement."*

- *"Anyone who has no mercy on the juniors and respect for the seniors is not one of us Muslims"*

- *"None of you is a true believer of Islam until and unless he loves for his fellow man what he loves for his own self."*

- *"Whoever invites others to good is like the doer of good and will be rewarded accordingly, and whoever instigates evil is like the doer of evil and will be punished accordingly."*

In the Quran, on the other hand, one finds numerous divine instructions like these:

- *"Oh you who believe! Mind God as He should minded, and die not except in a state of Islam. And hold fast, all together, by the Rope of God, and be not divided among yourselves. And remember with gratitude God's favour on you: for you were enemies and He joined your hearts in love, so that by His grace you have become brethren; and you were on the brink of the Pit of Fire and He saved you from it. Thus does God make His signs clear to you that you may be guided. Let there arise out of you a band of people inviting to all that is good, enjoining what is right, and forbidding what is wrong. They are the ones to attain felicity." (Surah Al-Imran 3:102-104)*

- *"Oh you who believe! Fulfil all obligations. . . and help you one another in righteousness and piety, but help you not one another in sin and rancour. Mind God; for God is strict in punishment." (Surah Al-Maidah 5:123)*

## Petikan Al-Quran dan Hadith

"Hai orang-orang yang beriman, makanlah diantara rezeki yang baik-baik yang kami berikan kepadamu dan bersyukurlah kepada Allah, jika benar-benar hanya kepada-Nya kamu menyembah." Maksud Surah Al-Baqarah ayat 172

Seorang pemuda bertanya Rasulullah saw: "Islam manakah yang paling baik?" Baginda saw bersabda: "Memberikan makanan, serta mengucapkan salam kepada orang yang engkau kenal dan orang yang tidak kau kenal." Hadith Riwayat Muslim

dari muka 1- Ciri-ciri Negara Islam

### Jadual Aktiviti / Pengajian Maghrib Di Surau Al-Ulum KD9, Kota Damansara

Tarikh	Pengajar	Tajuk
01/08 (Rabu)	Ust. Kamal Mahadi (Kem. Pend)	Tafsir
02/08 (Khamis)	YAASIN / TAHLIL	
03/08 (Jumaat)	Ust. Hj Azizi Mat Daud	Feqah
04/08 (Sabtu)	Ust. Syed Nazli Syed Mohamad	Umum
05/08 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
06/08 (Isnin)	Ust. Hamzah (Pelangi Square)	Tauhid
07/08 (Selasa)	Ust. Hamim Semaon (Rawang)	Ulumul Quran
08/08 (Rabu)	Ust. Osman (IIS)	Kisah Al-Quran
09/08 (Khamis)	YAASIN / TAHLIL	
10/08 (Jumaat)	Ust. Khairuzaman (Rawang)	Tauhid
11/08 (Sabtu)	Ust. Anuar Riduan (U. Malaya)	Isra' & Mikraj
12/08 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
13/08 (Isnin)	Ust. Mohd Fadzil Ismail	Umum
14/08 (Selasa)	Ust. Mazlan Khamis	Hadis Qudsi
15/08 (Rabu)	Ust Kamal Mahadi (Kem Pend)	Tafsir
16/08 (Khamis)	YAASIN/TAHLIL	
17/08 (Jumaat)	Ust. Azizi Mat Daud	Feqah
18/08 (Sabtu)	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Sirah Rasul saw
19/08 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
20/08 (Isnin)	Ust. Hamzah (Pelangi Square)	Tauhid
21/08 (Selasa)	Ust. Hamim Semaon (Rawang)	Ulumul Quran
22/08 (Rabu)	Ust. Osman (IIS)	Kisah Al-Quran
23/08 (Khamis)	Ust. Abdullah Osman Iraqi	Hadith
24/08 (Jumaat)	Ust. Khairuzaman (Rawang)	Tauhid
25/08 (Sabtu)	Ust. Mohd Fauza Ali	Umum
26/08 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
27/08 (Isnin)	Ust. Ramadan (UIA)	Umum
28/08 (Selasa)	Ust. Mazlan Khamis	Hadis Qudsi
29/08 (Rabu)	Jemputan Khas	Umum
30/08 (Khamis)	YAASIN/TAHLIL / Mesyuarat AJK al-Ulum	
31/08 (Jumaat)	Ust Ahmad Lutfi Abd Wahab	Khas

#### Kuliah Khas HELWA

Setiap Rabu 8.30 pg	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Tafsir
Setiap Jumaat 8.30 pg	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Sirah Rasul saw

#### Kuliah Suboh

04/08 (Sabtu)	Ust. Mohd Amin Al Buntari	Umum
05/08 (Ahad)	Ust. Ibrahim Zakaria	Umum
11/08 (Sabtu)	Ust. Nik Radzi Nik Mat	Umum
12/08 (Ahad)	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Hadith
18/08 (Sabtu)	Ust. Mohd Amin Al Buntari	Umum
19/08 (Ahad)	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Hadith
25/08 (Sabtu)	Ust. Ibrahim Zakaria	Umum
26/08 (Ahad)	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Hadith

Bersama-samalah kita hadir di dalam majlis ilmu yang telah diaturkan, mudah-mudahan ianya dapat mengelakkan dari bertambahnya 'tompok-topok hitam' dalam hati kita. Nota: Jadual di atas tertakluk kepada pindaan, sila rujuk papan kenyataan di Surau untuk pindaan jadual terkini.

Hadis ini menunjukkan bahawa apabila mereka tidak berpindah, maka hak mereka tidak sama dengan kaum muhajirin iaitu orang-orang yang telah berada di Darul Islam. Dengan demikian, hadis ini sesungguhnya telah menjelaskan perbezaan hukum (undang-undang) antara orang yang telah berhijrah dan yang tidak. Darul Muhajirin adalah Darul Islam pada zaman Rasulullah dan selainnya adalah Darul Kufur. Dari sinilah diambil istilah Darul Islam dan Darul Kufur atau Darul Harb. Jadi, penambahan kata Islam, kufur atau harb pada "Dar" adalah mewakili sistem hukum (undang-undang) dan pemerintahannya. Oleh kerana itu untuk menggunakan istilah 'dar' atau 'negara', ianya selalu dikaitkan dengan penguasa iaitu berkenaan: (1) pemeliharaan kepentingan umat mengikut undang-undang tertentu dan (2) kekuatan (negara) yang menjaga/membela rakyat serta melaksanakan undang-undang tersebut, iaitu faktor keamanannya. Dari sinilah dua syarat yang disebutkan di atas ditekankan. Selain itu mengenai syarat penerapan hukum-hukum, ia digali dari dalil al-Quran dan juga Sunnah. Firman Allah: "Barangsiapa yang tidak berhukum menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu adalah orang-orang kafir" [TMQ al-Ma'idah (5):44]. Dalam Hadis riwayat 'Auf ibnu Malik mengenai kedudukan pemimpin-pemimpin zalim, tercatat sebahagian di dalamnya: "...ditanyakan oleh para sahabat: 'Wahai Rasulullah tidakkah kita perangi saja mereka itu dengan pedang?' Baginda menjawab: 'Tidak selama mereka masih menegakkan solat (maksudnya menerapkan hukum-hukum Islam) di tengah-tengah masyarakat". Terdapat juga hadis riwayat Ubadah ibnu Samit mengenai bai'at aqabah, di mana katanya: "Dan hendaknya kami tidak menentang kekuasaan penguasa kecuali (sabda Rasulullah:)' Apabila kalian melihat kekufuran yang bersifat terang-terangan, yang dapat dibuktikan berdasarkan keterangan dari Allah." Di dalam riwayat Imam Thabrani disebut 'kekufuran yang jelas' (surahan). Manakala syarat keamanan mestilah keamanan Islam, yakni di bawah kekuasaan kaum Muslimin, ini diistihbat dari firman Allah: "Dan Allah (selama-lamanya) tidak memberi hak bagi orang-orang kafir untuk menguasai orang-orang mukmin" [TMQ an-Nisa' (4):141]. Ayat ini bermaksud tidak boleh memberi ruang kepada orang-orang kafir untuk berkuasa atas orang-orang Mukmin. Ini adalah kerana dengan memberikan kekuasaan kepada mereka bererti menjadikan keamanan kaum Muslimin berada di bawah kekuasaan mereka (kufur) bukan di bawah kekuasaan Islam. Keadaan ini boleh dilihat di negara kaum Muslimin saat ini seperti Pakistan, Afghanistan, Arab Saudi, Kuwait, Libya dan banyak lagi yang mana pemimpin mereka nyata-nyata tunduk di bawah rejim kafir Amerika. Walaupun (kerana keterbatasan ruang) kami tidak dapat mengungkapkan semua nas, namun berdasarkan nas yang qat'i dari al-Quran dan Hadis, ternyata pada hari ini, tidak ada satu negarapun di dunia ini, termasuk Malaysia yang layak disebut negara Islam. Namun perlu difahami bahawa istilah negara sekular atau negara kufur bukanlah membawa maksud penduduknya juga semua sekular atau kufur. Istilah ini merujuk kepada 'negara' bukan 'individu'nya. Adapun untuk individu, perlu dilihat kepada akidah dan pemikiran yang dimilikinya untuk menentukannya samada ia adalah seorang Muslim, kafir atau sekular. *Wahai kaum Muslimin! Kita mengetahui bahawa Negara Islam adalah Negara Khilafah dan inilah bentuk negara dan pemerintahan yang diwariskan oleh Nabi Sallallahu 'alaihi wa Sallam kepada para sahabat baginda serta generasi sesudah mereka hingga ke hari kiamat. Kita juga mengetahui bahawa Negara Khilafah ini telah runtuh kira-kira 83 tahun yang lalu, tepatnya pada tanggal 3 Mac 1924 dan sejak itu hingga sekarang, Negara Khilafah ini masih belum muncul kembali. Sedarlah wahai saudaraku bahawa tidak ada satu negara kaum Musliminpun, termasuklah Malaysia, yang boleh diberi status Negara Islam. Seluruh tanah kaum Muslimin telah mewarisi bentuk pemerintahannya dari penjajah kuffar, bukannya diwarisi dari Rasulullah. Justeru itu, bangkitkanlah kalian untuk menunaikan kewajiban kalian mengembalikan semula, melalui tariqah Rasulullah, Negara Khilafah yang merupakan satu-satunya Negara Islam yang sebenar.*

Petikan dari Shoutun Nahdah

#### PESANAN

Kami dengan rendah diri memohon kerjasama sdr/sdri. sekalian agar menyimpan Buletin ini ditempat yang sesuai demi menjaga kesucian Agama Islam dan keberkatan ilmu yang disampaikan – *Biro Penerbitan & Penerangan*